



Dr Muhammad Mustaqim (kiri) pada Seminar Kepustakawanan Islam di IKIM, Kuala Lumpur.

[GAMBAR SHIRAZ ALI/BH]

BH 18/12/14 MSH

Pustakawan penyelidik penting

» Kehebatan tradisi Islam perlu kajian pakar membekalkan maklumat

“Fenomena luar biasa yang dikenali sebagai *‘asr al-tadwin* (era pengumpulan dan penulisan ilmu) berlaku secara komprehensif dalam pelbagai bidang ilmu sama ada berteraskan agama seperti tafsir, hadis, fiqh, tauhid serta tasawuf atau berlandaskan ilmu akhlah seperti falsafah, sains, matematik dan sejarah,” katanya pada seminar anjuran IKIM dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM).



“**Kepelbagaian ilmu inilah yang menjadi ciri khusus tamadun**

perpustakaan yang terbabit dengan tenaga akademik dan pakar dalam bidang berkenaan.

“Bagi pelan jangka panjang, pihak perpustakaan dan persatuan pustakawan Islam menyasarkan untuk melahirkan pustakawan-penyelidik yang pakar dalam bidang pengajian Islam serta tidak tertumpu kepada aspek pengurusan,” katanya.

Dr Muhammad Mustaqim berkata, skim dan skop jawatan pustakawan perlu disemak semula untuk memberikan ruang dan peluang kepada pelaksanaan aktiviti yang memperkayakan pengetahuan dalam bidang pengkhususan seperti pelaksanaan penyelidikan jangka pendek dan panjang serta peningkatan kelayakan ke peringkat doktor falsafah.

Sementara itu, Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mat Rofa Ismail, berkata perpustakaan menjadi simbol peradaban dan ketinggian tamadun, manakala ilmu yang tersenarai dalam

K hazanah kepustakaan tradisi Islam yang sebenarnya berkait rapat dengan alam Melayu masih belum mendapat perhatian sewajarnya daripada sarjana, penyelidik mahupun pustakawan.

Apatah lagi ia membabitkan keserjanaan dalam keilmuan Islam dan kepakaran pengurusan maklumat yang memerlukan wujudnya golongan 'pustakawan-penyelidik' seperti yang disentuh pada Seminar Kepustakawanan Islam di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, berkata kesungguhan ilmuwan Islam terhadap pengajaran dan pembelajaran ilmu sejak abad pertama Hijrah dalam aspek periwatan serta penulisan mewujudkan gelombang gerakan ilmiah secara massa dalam masyarakat Islam.

"Hal itu menyaksikan kemunculan ilmuwan dan pengarang berwibawa serta penghasilan karya penting dalam segenap bidang ilmu sejak pertengahan abad ke-2 Hijrah.

Dr Muhammad Mustaqim ketika membentangkan *Pengarang dan Kepengarangan dalam Tradisi Keilmuan Islam* berkata, bilangan karya juga meningkat secara mendadak dalam pelbagai saiz, bentuk dan genre sehingga sukar untuk menentukan jumlah sebenarnya.

Sumber terhad, belum direkod

"Menjelang abad ke-4 Hijrah, sejumlah ribuan karya disenaraikan oleh Muhammad ibn Ishaq ibn al-Nadim yang diikuti Haji Khalifah pada abad ke-7 (15,000 karya dan 9,500 pengarang) dan Brockelmann (25,000 karya dan 18,000 pengarang).

"Bagaimanapun, penelitian itu tidak menggambarkan situasi sebenar kerana rujukan dan sumber yang terhad sedangkan masih banyak judul yang belum direkodkan sehingga kini," katanya.

Di sebalik kepentingan itu, beliau berkata, aspek berkaitan pengarang dan kepengarangan dalam tradisi keilmuan Islam kurang mendapat perhatian dan tumpuan bukan saja dalam konteks pengajian Islam, bahkan disiplin ilmu kontemporari yang berkaitan sumber ilmu dalam tradisi Islam termasuk pengurusan maklumat.

Justeru, Dr Muhammad Mustaqim menyarankan program pengajian pengurusan maklumat Islam di institut pengajian tinggi awam (IPTA) seperti USIM dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Islam yang berkembang melalui peradaban ilmiah, sekali gus bersinar ke seluruh dunia dengan kekuatan ilmu serta hujah pengurusan"

Mat Rofa Ismail,
Pensyarah UPM

(UIAM) diperkukuh, manakala jalinan kerjasama sedia ada diperluas untuk membangun dan mengembangkan bidang kepustakawanan Islam sebagai antara cabang penting.

Sasar lahirkan pustakawan-penyelidik Islam

"Penyelesaian jangka pendek terhadap isu kemahiran pustakawan dalam aspek sumber maklumat Islam pula dilaksanakan menerusi perkongsian bijak antara

pengelasan ilmu dapat disaksikan melalui penghasilan karya ilmuwan Islam.

Perpustakaan, ciri khas tamadun

"Kepelbagaian ilmu inilah yang menjadi ciri khusus tamadun Islam yang berkembang melalui peradaban ilmiah, sekali gus bersinar ke seluruh dunia dengan kekuatan ilmu serta hujah.

"Perpustakaan muncul di hampir setiap bandar utama umat Islam termasuk Perpustakaan Darul Hikmah dan Nizamiyyah Baghdad, Perpustakaan Cordova serta Perpustakaan Darul Ilmi, Kaheerah," katanya ketika membentangkan *Ilmu, Ilmuwan dan Keperpustakaan dalam Peradaban Islam*.

Dr Mat Rofa berkata, perpustakaan bukan semata-mata tempat pengumpulan kitab dan bahan bertulis, bahkan kajian, penyelidikan serta pendokumentasian.

"Baitul Hikmah Baghdad yang terkenal ketika Khalifah al-Makmun mempunyai beberapa bahagian termasuk penterjemahan, penulisan, cerapan bintang, koleksi kitab dan penjilidan.

"Menyalin naskhah kitab menjadi aktiviti penting, manakala khalifah pula bertindak sebagai penaung kepada seluruh kegiatan ilmiah dan menyediakan peruntukan besar untuk aktiviti berkenaan," katanya.